

---

## NRECC PERKASA INISIATIF BANDAR RENDAH KARBON

---

Kerajaan melalui Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) akan terus memperkasakan inisiatif bandar rendah karbon melalui kerjasama strategik antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan transformasi ke arah bandar rendah karbon yang menyumbang secara signifikan kepada pengurangan impak perubahan iklim di Malaysia.

Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC), YB Nik Nazmi Nik Ahmad berkata, PBT disaran menetapkan hala tuju dan pendekatan yang bersesuaian dengan konsep bandar rendah karbon ke arah mencapai sasaran pengurangan gas rumah kaca berdasarkan Pelan Induk Bandar Rendah Karbon Negara (NLCCM) yang dilancarkan pada tahun 2021.

“Perancangan dan pembangunan bandar yang mampan dan transformasi kepada bandar rendah karbon dapat membangunkan ekonomi hijau tempatan, mewujudkan peluang pekerjaan serta menarik pelaburan domestik dan antarabangsa,” katanya sewaktu berucap melancarkan Majlis Anugerah Bandar Rendah Karbon 2022 hari ini.

Menurutnya, Kementerian juga akan mengadakan sesi libat urus melibatkan kerajaan negeri dan PBT-PBT mengikut zon pada tahun ini bagi memberi penerangan mengenai pelaksanaan NLCCM.

“Ia selaras dengan sasaran Kementerian untuk mewujudkan 200 zon rendah karbon dan 1,000 rakan kongsi Rendah Karbon di seluruh negara menjelang 2030.

“Adalah penting negara terus komited dan progresif dalam menangani isu perubahan iklim bagi mencapai aspirasi negara untuk mencapai pelepasan gas rumah kaca (GHG) sifar bersih seawal-awalnya pada tahun 2050 tertakluk kepada hasil pembangunan strategi jangka masa panjang pembangunan rendah karbon (*Long-Term Low Emissions Development Strategy/ LT-LEDS*) negara,” katanya yang turut menyampaikan anugerah bandar rendah karbon 2022 kepada 89 penerima.

Hadir sama, Timbalan Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Dato' Sri Huang Tiong Sii, Ketua Setiausaha NRECC, Dato' Haji Rosli Isa dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Dato' Haji Haris Kasim.

Penerima anugerah terdiri daripada badan-badan kerajaan dan organisasi swasta dalam pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) menerusi program Cabaran Bandar Rendah Karbon 2030 (*Low Carbon Cities 2030 Challenge - LCC2030C*).

Mereka merupakan 15 Zon Rendah Karbon dan 60 rakan kongsi Rendah Karbon bagi pengiktirafan *Diamond* untuk inisiatif pengurangan pelepasan GHG dalam lima elemen utama, iaitu tenaga, air, sisa, mobiliti dan kehijauan.

Tiga (3) penyertaan diberikan pengiktirafan Reka Bentuk *Diamond* yang berpotensi mengurangkan kadar pelepasan GHG melalui pelaksanaan strategi bandar rendah karbon di peringkat reka bentuk dan 11 penyertaan diberikan *Provisional Certificate* atas usaha pembangunan data penanda aras dan pelan tindakan rendah karbon dalam kawasan zon dan rakan kongsi rendah karbon.

## **KEMENTERIAN SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM (NRECC)**

**20 FEBRUARI 2023**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia



nreccmalaysia